

**PERATURAN-PERATURAN  
PERTANDINGAN DEBAT YAYASAN SELANGOR KALI KE-11 TAHUN 2019**

---

**1. AM**

- 1.1 Syarat-syarat dan peraturan-peraturan ini diterima pakai untuk Pertandingan Debat Yayasan Selangor Kali Ke-11 Tahun 2019.
- 1.2 Tafsiran peraturan ini ialah hak mutlak Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan. Keputusan Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan adalah muktamad.
- 1.3 Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan mempunyai hak untuk meminda sebarang peraturan sebelum permulaan pertandingan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa.

**2. TAFSIRAN**

- 2.1 'Ketua Hakim' dan 'Panel Hakim' bermaksud individu yang dilantik oleh pihak penganjur untuk memegang jawatan-jawatan tersebut.
- 2.2 'Sekolah' bermaksud semua sekolah di Malaysia peringkat menengah yang menerima surat jemputan pertandingan.
- 2.3 Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan ialah individu yang dilantik oleh pihak penganjur.

**3. STRUKTUR PERTANDINGAN**

- 3.1 Pertandingan ini dijalankan dalam kategori Bahasa Melayu sahaja.

**4. PENYERTAAN**

- 4.1 Setiap sekolah boleh menghantar satu (1) pasukan sahaja yang terdiri daripada 4 orang peserta. Sekiranya terdapat mana-mana sekolah yang hendak menghantar lebih daripada satu pasukan, pihak penganjur akan mempertimbangkannya jika terdapat kekosongan yang boleh diisi.

## **5. KELAYAKAN**

- 5.1 Untuk layak memasuki pertandingan debat ini, peserta hendaklah terdiri daripada pelajar tingkatan 1 hingga tingkatan 5 dalam satu sekolah yang sama.
- 5.2 Pengesahan bahawa mereka ialah pelajar sekolah berkenaan hendaklah dibuat oleh pihak sekolah.
- 5.3 Peserta hanya boleh berdebat untuk pasukan yang mendaftarkannya sahaja.

## **6. SISTEM PERTANDINGAN**

- 6.1 Pertandingan ini akan menggunakan kaedah sistem '*power match* berkumpulan' (kaedah '*Swiss Bracket*') untuk pusingan awal. Sistem ini akan digunakan untuk menentukan pasukan yang akan berlawan dan juga peranan sebagai (kerajaan atau pembangkang).
- 6.2 Penentuan perlawanan untuk perdebatan yang pertama akan dilakukan oleh komputer secara rawak. Penentuan perlawanan untuk perdebatan yang kedua akan ditentukan mengikut kedudukan pasukan selepas pusingan pertama.
- 6.3 Kriteria-kriteria yang akan diambil kira untuk menentukan kedudukan pasukan adalah seperti yang berikut:
  - a) menang/kalah;
  - b) juri (jika sesuai);
  - c) margin; dan
  - d) markah.
- 6.4 Penentuan peranan (kerajaan/pembangkang) untuk pusingan awal akan ditentukan melalui komputer manakala pusingan suku akhir, pusingan separuh akhir dan pusingan akhir berdasarkan kaedah lambungan duit syiling.
- 6.5 Kedudukan pasukan akan ditentukan selepas selesai lima (5) pusingan awal. Ini adalah untuk menentukan pasukan yang layak ke pusingan seterusnya.

6.6 Kedudukan pasukan ditentukan mengikut kriteria berikut:

- a) menang/kalah;
- b) juri (jika sesuai);
- c) margin; dan
- d) markah.

6.7 Lapan (8) pasukan teratas akan layak ke pusingan suku akhir dan akan dilaksanakan menggunakan sistem kalah mati.

## **7. MASA PERSEDIAAN**

7.1 Usul perdebatan yang akan digunakan bagi setiap pusingan akan dimaklumkan 30 minit sebelum perdebatan bermula. Sebarang masa perjalanan ke tempat perdebatan adalah termasuk dalam 30 minit berkenaan. Semua pasukan diharapkan dapat menepati waktu.

7.2 Mana-mana pasukan yang gagal menghadiri perdebatan selepas lima belas minit (15 minit) dari masa permulaan perdebatan akan dikira kalah secara automatik.

## **8. STRUKTUR DEBAT**

8.1 Perdebatan dijalankan dalam Bahasa Melayu mengikut gaya perdebatan ala parlimen Malaysia.

8.2 Setiap pusingan debat mempunyai dua pasukan iaitu pasukan kerajaan (pencadang) dan pembangkang. Setiap pasukan terdiri daripada tiga orang pendebat dan seorang pendebat simpanan (jika ada).

8.3 Pasukan kerajaan terdiri daripada Perdana Menteri dan dua orang anggota kerajaan manakala pasukan pembangkang terdiri daripada Ketua Pembangkang dan dua orang anggota pembangkang.

8.4 Setiap pendebat perlu menyampaikan ucapan substantif.

8.5 Ucapan penggulungan bagi pihak kerajaan dan pembangkang boleh disampaikan sama ada oleh pendebat pertama atau kedua dari pihak masing-masing.

8.6 Had waktu dan susunan ucapan bagi setiap peserta adalah seperti berikut:

**Ucapan Substantif:**

- a) Perdana Menteri/pencadang pertama 7 minit;
- b) Ketua Pembangkang/pembangkang pertama 7 minit;
- c) Anggota pertama kerajaan/pencadang kedua 7 minit;
- d) Anggota pertama pembangkang/pembangkang kedua 7 minit;
- e) Anggota kedua kerajaan/pencadang ketiga 7 minit;
- f) Anggota kedua pembangkang/pembangkang ketiga 7 minit;

**Ucapan Penggulungan:**

- a) Penggulungan pembangkang 4 minit; dan
- b) Penggulungan kerajaan 4 minit.

8.7 Bagi setiap ucapan substantif, loceng akan dibunyikan sekali selepas seminit masa berlalu bagi menandakan pasukan lawan sudah boleh melakukan celahan/meminta penjelasan. Loceng akan dibunyikan sekali pada permulaan minit terakhir bagi menandakan masa untuk membuat celahan sudah tamat. Loceng akan dibunyikan dua kali apabila masa tamat.

8.8 Bagi ucapan penggulungan, loceng akan dibunyikan sekali pada minit ketiga dan dua kali apabila masa tamat.

## **9. PEMARKAHAN**

9.1 Setiap ucapan substantif akan diberikan markah maksimum 100 berdasarkan kepada:

- a) Isi 40 markah;
- b) Gaya/Penyampaian 40 markah; dan
- c) Tatacara 20 markah.

9.2 Isi akan diadili dari segi kesesuaian dengan usul perdebatan, pengembangan dan penjelasan hujah, fakta dan contoh yang digunakan serta bidasan yang berkesan terhadap hujahan pihak lawan.

9.3 Tatacara akan diadili dari segi:

- a) Keberkesanan penyusunan dan struktur ucapan pendebat;
- b) Keberkesanan penyusunan dan struktur kes sesuatu pasukan secara keseluruhan;
- c) Kesenambungan hujah/fakta; dan
- d) Kerja sepasukan.

9.4 Gaya penyampaian akan diadili dari segi kesesuaian dan keberkesanan gaya penyampaian hujahan. Penyampaian yang mempunyai nilai bujukan yang tinggi serta dapat menarik perhatian penonton akan dipandang positif oleh hakim (dengan syarat ia membantu hujahan).

9.5 Ucapan penggulungan akan diberikan markah maksimum 50 berdasarkan nisbah pemarkahan ucapan substantif.

9.6 Kriteria utama pemarkahan ialah nilai hujahan (isi) yang diberikan iaitu sejauhmana hujahan itu relevan kepada tajuk perdebatan serta nilai bujukannya yang meyakinkan dan memberi sokongan terhadap usul yang diperdebatkan.

9.7 Penggunaan bahan bantuan luar berbentuk elektronik seperti gajet semasa perdebatan berlangsung dilarang sama sekali. Para pendebat hanya boleh menggunakannya ketika sesi persediaan/kuarantin sahaja. Sebaiknya seusai sahaja sesi persediaan/kuarantin, gajet atau sebarang peralatan elektronik disimpan di dalam beg dan dijaga oleh pendebat simpanan atau guru pengiring dan lain-lain.

## **10. FAKTA BAHARU**

10.1 Tiada sebarang 'fakta baharu' dibenarkan bagi disampaikan dalam ucapan substantif pendebat ketiga dan ucapan gulungan mana-mana pasukan. Contoh baharu bukan fakta baharu. Hujahan atau fakta dikira 'baharu' kecuali:

- a) ia telah digunakan dalam mana-mana hujahan terdahulu; atau/dan
- b) ia merupakan bidasan terhadap hujahan pasukan lawan.

## **11. DEFINISI**

11.1 Tugas memberi definisi usul perbahasan yang wajar dan boleh didebatkan adalah ialah dan tanggungjawab pihak Kerajaan.

11.2 Pihak Pembangkang boleh:

- a) menerima definisi kerajaan secara keseluruhan/mutlak, atau
- b) menolak secara keseluruhan/mutlak dan mengemukakan definisi alternatif.

11.3 Pihak Pembangkang boleh menolak definisi pihak Kerajaan secara keseluruhan hanya jika;

- a) definisi kerajaan tidak mempunyai kaitan dengan maksud sebenar usul;
- b) definisi kerajaan adalah 'truistik : tidak boleh dibangkang dengan hujahan rasional'; atau
- c) definisi kerajaan terlalu spesifik untuk diperdebatkan.

## **12. PENJELASAN/CELAHAN**

12.1 Ketika sesi ucapan substantif setiap pendebat, pihak lawan boleh mencelah dengan tujuan untuk meminta penjelasan atau bertanya soalan tentang isu yang sedang dibicarakan.

12.2 Tempoh waktu yang dibenarkan untuk mencelah adalah antara minit ke-2 hingga minit ke-6 setiap ucapan pendebat.

12.3 Tidak ada kuota yang ditetapkan untuk mewajibkan penerimaan dan permintaan celahan dari mana-mana pihak.

12.4 Masa yang diperuntukkan untuk pihak yang mencelah hanyalah selama 15 saat, jika terlalu panjang, pihak yang sedang berucap berhak menamatkan celahan dengan sopan.

12.5 Mana-mana pendebat yang ingin mencelah, disarankan berdiri dan menghulurkan tangan dengan sopan tanpa bunyi atau sebarang suara yang boleh mengganggu pihak lawan.

### **13. BANTAHAN SEMASA PERDEBATAN SEDANG BERLANGSUNG**

13.1 Bantahan dalam konteks ini bermaksud bantahan yang diajukan oleh pendebat kepada Yang Dipertua Dewan semasa perdebatan berlangsung bagi menarik perhatian beliau terhadap pelanggaran sebarang peraturan perdebatan seperti:

- a) penggunaan aksi atau bahasa yang kurang sopan dalam perdebatan; atau
- b) pengenalan fakta baharu semasa dalam ucapan substantif pendebat ketiga dan/atau ucapan penggulungan; atau
- c) penggunaan gajet atau alat elektronik ketika perdebatan berlangsung

13.2 Menjadi tanggungjawab setiap pasukan untuk menyuarakan bantahan atau teguran terhadap sebarang pelanggaran peraturan. Sesuatu bantahan sebaiknya disuarakan ketika sesi ucapan sama ada substantif atau penggulungan untuk memaklumkan pada pihak hakim agar menimbangkan kesalahan teknikal yang dilakukan oleh pihak lawan. Namun begitu, pertimbangan utama pihak hakim adalah berdasarkan ketepatan dan hujahan yang menepati usul, meskipun penalti diberikan kepada pihak yang melakukan kesalahan tersebut, tidak bermakna keputusan boleh diubah sewenang-wenangnya.

### **14. RAYUAN**

14.1 Semua bantahan hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan secepat mungkin selepas selesai sesi perdebatan bagi pusingan tersebut.

14.2 Jika Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan mendapati berlaku sebarang kesilapan atau kecacatan dalam pengendalian sesuatu perdebatan, usaha akan dibuat agar tidak ada mana- mana pihak yang terjejas. Sekiranya perlu, hakim dan peserta akan diberitahu tentang isu berbangkit agar ia tidak berulang.

14.3 Keputusan panel hakim adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan melainkan ada kekhilafan dari panel hakim, keputusan tidak boleh diubah namun tindakan sewajarnya yang akan diambil pada individu hakim tersebut.